

3756/2

Prinsip Perakaunan

Nama: _____

Kertas 2

2½ jam

Tingkatan: _____

NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah di tulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam Buku Jawapan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. **Kertas peperiksaan dan buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1 Berikut adalah situasi yang berlaku dalam Syarikat Maju Jaya

- Syarikat Maju Jaya menghadapi masalah kewangan akibat kemerosotan jualan. Walaupun begitu, syarikat masih menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian perniagaan akan terus beroperasi pada masa hadapan. Syarikat telah menukar kaedah susutnilai daripada kaedah garis lurus kepada kaedah baki berkurangan tanpa penjelasan yang jelas.

a) Apakah **dua** prinsip atau andaian yang diamalkan dalam situasi di atas, [2 markah]

b) Berikan **satu** contoh hasil dan belanja operasi bagi Perniagaan Bunga Melur
[2 markah]

c) Nyatakan **dua** jenis kesilapan tidak ketara dalam perakaunan [2 markah]

d) Nyatakan **dua** jenis dividen tunai [2 markah]

e) Kilang Kasut Lumaz mengeluarkan kasut di pasaran pada harga RM40.00 sepasang. Kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran kasut adalah seperti

Kos Tetap	RM 10 000
Kos Berubah Seunit	RM 35.00

Kira titik pulang modal dalam unit dan RM dengan menggunakan kaedah Margin

Caruman [2 markah]

- 2 Imbangan Duga berikut dipetik daripada buku perniagaan Percetakan Vivi yang menjalankan perniagaan percetakan pada 30 Jun 2025.

Percetakan Vivi		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2025		
	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Julai 2024		119 020
Bank		5 700
Premis	87 000	
Kenderaan	60 500	
Mesin cetak	75 000	
Belian dan Jualan	62 000	90 000
Pulangan	370	450
Akaun Belum Terima	11 880	
Akaun Belum Bayar		16 830
Inventori pada 1 Julai 2024	15 500	
Gaji	13 050	
Angkutan masuk	355	
Ambilan	1 300	
Hutang lapuk	150	
Utiliti	3 695	
Insurans	3 360	
Komisen		3 335
Sewa diterima		8 800
Peruntukan hutang ragu		120
Susut nilai terkumpul kenderaan		21 780
Susut nilai terkumpul perabot		21 000
Pinjaman bank		49 300
Faedah pinjaman bank	2 175	
	<u>336 335</u>	<u>336 335</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2025 dinilaikan RM28 000 pada harga kos dan RM29 900 pada harga pasaran.
- (ii) Sebahagian premis disewakan dengan kadar RM9 600 setahun.
- (iii) Polisi insurans dibeli pada 1 Oktober 2024 adalah untuk setahun.
- (iv) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan menggunakan kaedah seperti berikut:

Aset bukan semasa	Kadar susut nilai	Kaedah susut nilai
Kenderaan	20% setahun	Baki berkurangan
Mesin cetak	-	Garis lurus. Tempoh usia guna 10 tahun dengan nilai skrap RM5 000.

- (v) Pinjaman bank RM58 000 berkadar faedah 5% setahun yang matang pada 30 September 2028 telah dibuat pada 1 Oktober 2024.
- (vi) Seorang pelanggan yang berhutang telah meninggal dunia dan baki hutangnya sebanyak RM380 dihapus kira.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Dokumen berikut ditemui dan masih belum direkod dalam buku perakaunan.

MEMO Percetakan Vivi 2, Jalan Seri Cahaya Taman Matahari 86000 Kluang	2 Jun 2025
Peringatan: Pemilik mengambil barang niaga RM250 untuk kegunaan keluarganya.	
<i>Vivi</i> Pengurus	

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025. [11 markah]



3

Afeef dan Husna ialah pekongsi dalam Perniagaan Perkongsian AH yang menjual makanan sejuk beku di sekitar Johor Bahru, Johor. Perjanjian perkongsian membenarkan perkara berikut:											
i)	Faedah atas ambilan 8% setahun.										
ii)	Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.										
iii)	Afeef menerima bonus setahun RM12 000.										
iv)	Husna diperuntukkan gaji RM24 000 setahun bermula 1 April 2026										
v)	Untung rugi dibahagikan sama rata.										
Baki pada 1 Julai 2025:											
<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Akaun Modal RM</th><th>Akaun Semasa RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Afeef</td><td>100 000</td><td>12 500 (Dt)</td></tr> <tr> <td>Husna</td><td>50 000</td><td>340</td></tr> </tbody> </table>				Akaun Modal RM	Akaun Semasa RM	Afeef	100 000	12 500 (Dt)	Husna	50 000	340
	Akaun Modal RM	Akaun Semasa RM									
Afeef	100 000	12 500 (Dt)									
Husna	50 000	340									
Pada 30 Jun 2026 baki-baki berikut diperoleh daripada buku perkongsian.											
		RM									
Kelengkapan (kos)		50 000									
Susut nilai terkumpul lengkapan		15 000									
Akaun Belum Terima		18 900									
Akaun Belum Bayar		16 000									
Premis		170 000									
Simpanan Tetap		35 600									
Bank		62 000									
Inventori		16 140									
Pinjaman bank (berkadar 6% matang pada tahun 2028)		20 000									

	Maklumat tambahan :										
	(i) Pada 30 Jun 2026, untung bersih perkongsian ialah RM91 664 (ii) Perkara-perkara berikut masih belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.										
	Faedah atas simpanan berkadar 6% setahun.										
	Insurans prabayar RM2 500.										
	Kelengkapan disusutnilaikan 20% mengikut kaedah baki berkurangan.										
	Baki Akaun Belum Terima RM1 250 dihapusira sebagai hutang lapuk.										
	(iii) Ambilan pekongsi menggunakan cek.										
	<table border="1"> <tr> <td>Afeef</td><td>RM6 500</td><td>1 Julai 2025</td></tr> <tr> <td></td><td>RM2 000</td><td>1 Januari 2026</td></tr> <tr> <td>Husna</td><td>RM3 800</td><td>1 April 2026</td></tr> </table>	Afeef	RM6 500	1 Julai 2025		RM2 000	1 Januari 2026	Husna	RM3 800	1 April 2026	
Afeef	RM6 500	1 Julai 2025									
	RM2 000	1 Januari 2026									
Husna	RM3 800	1 April 2026									
	(iv) Afeef telah menerima bonus RM12 500 setahun. .										

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Penyata untung rugi terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. | [6 markah] |
| (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. | [6 markah] |
| (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) | [10 markah] |
| (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026
(Bahagian ekuiti pemilik sahaja) | [3 markah] |

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini

- 4 (a) Berikut adalah baki-baki Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar bagi Mutiara Enterprise pada 1 Ogos 2025.

	RM
<u>Akaun Belum Terima</u>	
Alan Trading	2 700
Bibi Enterprise	2 800
Dhia Mini Mart	300
<u>Akaun Belum bayar</u>	
Pembekal Azam	1 700

Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan perniagaan tersebut:

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2025 Ogos 7	Angkutan masuk	440	
	Pembekal Azam		440
	(Merekodkan caj angkutan masuk)		
20	Hutang lapuk	300	
	Dhia Mini Mart		300
	(Menghapuskan hutang lapuk)		

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah RM
2025 Ogos 2	Pembekal Azam	3 500
12	Perniagaan Yadi	4 700
31	Akaun Belian	<u>8 200</u>

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah RM
2025 Ogos 10	Pembekal Azam	200
20	Perniagaan Yadi	300
31	Akaun Pulangan Belian	<u>500</u>

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2025		RM
Ogos 3	Alan Trading	4 000
9	Bibi Enterprise	3 200
12	Kedai Adik Manis	4 700
31	Akaun Jualan	<u>11 900</u>
Jurnal Pulangan Jualan		
Tarikh	Butir	Jumlah
2025		RM
Ogos 8	Alan Trading	400
28	Kedai Adik Manis	500
31	Akaun Pulangan Jualan	<u>900</u>

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank
2025					2025				
Ogos 1	Baki b/b			3 500	Ogos 2	Pembekal Azam	150		2 000
2	Alan Trading	200		2 200	17	Perniagaan Yadi	100		2 200
14	Bibi Enterprise			1 000	31	Baki h/b			3 800
25	Kedai Adik Manis	100		1 300					
		300		8 000			250		8 000
Sept 1	Baki b/b			3 800					

Dengan menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat dalam Buku Catatan Pertama dan Buku Tunai di atas, **anda dikehendaki menyediakan :**

i) Akaun Kawalan belum Terima

[6 markah]

ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[6 markah]



- (b) Berikut ialah Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Komuniti Damai Sutera bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM		RM
Baki b/b	670	Derma	60
Yuran masuk	255	Bantuan kepada ahli	850
Yuran ahli	2 240	Belanja sukaneka	1 745
Kutipan sukaneka	2 254	Perabot	610
		Upah	500
		Surat khabar	164
		Alat tulis	230
		Kadar bayaran	282
		Baki h/b	978
	5 419		5 419

Maklumat tambahan :

- i Kelab mempunyai 150 orang ahli dengan yuran tahunan sebanyak RM20 seorang.
- ii Baki daripada buku-buku Kelab Komuniti Damai Sutera adalah seperti berikut :

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Yuran ahli belum terima	40	-
Yuran ahli belum terperoleh	-	25
Perabot	2 360	2 770
Inventori alat tulis	-	50
Surat khabar belum bayar	15	32
Bangunan kelab	15 500	15 500
Upah belum bayar	-	80
Faedah bank belum terima	-	84

- iii Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil

Anda dikehendaki menyediakan :

- 1 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

[8 markah]

- 5 (a) Encik Darwis pemilik Perniagaan Bestari Frozen Mart telah menerima penyata bank bagi bulan Jun 2026. Berikut merupakan Buku Tunai dan Penyata Bank bagi bulan tersebut.

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh 2026	Butir	Jumlah (RM)	Tarikh 2026	Butir	No. Cek	Jumlah (RM)
Jun 1	Ramesh	1 880	Jun 1	Baki b/b		4 060
18	Jualan	40 374	3	Kulis Motors	476112	1 300
23	Adam Mini Mart	5 668	5	Syarikat Kawan	476113	5 712
26	Jualan	7 280	6	Wan Furniture	476114	1 920
27	Maniam&Sons	6 676		Belian	476115	7 130
29	Chai Soke	5 918	8	Kedai Kumar	476116	5 176
			13	Perniagaan Nani	476117	9 152
			18	Gaji	476118	1 000
			23	Belian	476119	1 776
		67 796				37 226

Penyata Bank

Tarikh 2026	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Jun 1	Baki b/b				250
8	Cek	476113	5 712		(5 462)
9	Dividen			500	(4 962)
12	Cek	476111	1 690		(6 652)
15	Insurans		1 200		(7 852)
17	Caj bank		60		(7 912)
18	Deposit			40 374	32 462
19	Cek	476117	9 152		23 310
21	Cek	476110	2 620		20 690
23	Cek	476115	7 130		13 560
24	Cek	476116	5 176		8 384
26	Buku cek		50		8 334
27	Cek	476119	1 776		6 558
28	Deposit			6 676	13 234
30	Cek	476112	1 120		12 114
	Deposit			5 668	17 782

Maklumat tambahan :

- Cek bernombor 476112 yang dikeluarkan kepada Kulis Motors dicatatkan dengan jumlah yang salah di Buku Tunai.
- Cek yang diterima pada 29 Jun dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk kepada Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Mengemaskini Buku Tunai. [7 markah]
- Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2026. [7 markah]

- (b) Sebuah mesin dibeli pada harga kos RM 60 000 pada 30 Jun 2023. Mesin tersebut disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2025, mesin tersebut telah dijual pada harga RM 40 000 dengan cek.

Berdasarkan maklumat tersebut, anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin [2 markah] [2 markah]
- Akaun Pelupusan Mesin [4 markah] [4 markah]



- 6 (a) Pada 1 Disember 2025, Bobby telah memulakan Kedai Kasut Bobby dengan modal RM65 000 di bank dan RM5 000 tunai di kedai untuk kegunaan harian. Kedai Kasut Bobby dibantu oleh Mariam yang dibayar gaji RM1 500 sebulan .

Urusniaga sepanjang bulan Disember 2025 ditunjukkan oleh dokumen-dokumen di Lampiran A

Lampiran A

Keratan Cek			
Tarikh :	2 Disember 2025		
Penerima:	Encik Rudy		
Untuk:	Sewa Kedai		
		Ringgit	Sen
Baki akhir		65000	00
Deposit		--	
Jumlah		65000	00
Cek ini		1000	00
Baki		64000	00
No: 112362			
Dokumen 1			

Asal				No: 2001
Invois				
Syarikat Perabot Pesona				
12, Jalan Satria,				
51000 Sentul , Kuala Lumpur				
Kepada:		Tarikh : 3.12.2025		
Kedai Kasut Bobby				
22, Jalan Wangsa Jaya				
53100, Kuala Lumpur				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Rak Kayu	2	380	760
2	Meja Pejabat	3	250	750
Jumlah				1510
(Ringgit Malaysia : Seribu Lima Ratus Sepuluh sahaja)				
Tunai / No. cek : MBB112363				Alia
				Pengurus
Dokumen 2				

Asal				No: 5001
<i>Invois</i>				
Pembekal Kasut Marie				
54, Jalan Haji Ahmad				
53100, Kuala Lumpur				
Kepada:		Tarikh : 5.12.2025		
Kedai Kasut Bobby				
22, Jalan Wangsa Jaya				
53100, Kuala Lumpur				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kasut Asis	100	70	7000
2	Kasut Sparke	85	90	7650
Jumlah				14650
(Ringgit Malaysia : Empat Belas Ribu Enam Ratus Lima Puluh sahaja)				
Syarat : 5% 7 hari				
Serahan : Angkutan dibayar				
K&K diK.				
<u>Bobby</u>		<u>Marie</u>		
Penerima		Pengurus		
Dokumen 3				

Salinan				No: INV 06
<i>Invois</i>				
Kedai Kasut Bobby				
22, Jalan Wangsa Jaya				
53100, Kuala Lumpur				
Kepada:		Tarikh : 15.12.2025		
Syarikat Kasut Lizz				
78, Jalan Nurin				
53100, Kuala Lumpur				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kasut Asis	20	140	2800
2	Kasut Sparke	30	180	5400
Jumlah				8200
(Ringgit Malaysia : Lapan Ribu Dua Ratus sahaja)				
Syarat : 5% 7 hari				
Serahan : Angkutan dibayar				
K&K diK.				
	<i>lizz</i>			<i>bobby</i>
	Penerima			Pengurus
Dokumen 4				
Asal				No: 3001
<i>Bil Tunai</i>				
Pembekal Kasut Gan Han				
4, Jalan Lok Peng				
53000, Kuala Lumpur				
Kepada:		Tarikh : 18.12.2025		
Kedai Kasut Bobby				
22, Jalan Wangsa Jaya				
53100, Kuala Lumpur				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kasut Sparko	50	20	1000
2	Kasut Lotto	80	30	2400
Jumlah				3400
(Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Empat Ratus sahaja)				
Tunai / No. Cek : MBB 112364				
	<i>Bobby</i>			<i>Gan Han</i>
	Penerima			Pengurus
Dokumen 5				



Salinan				No: CN01
<i>Nota Kredit</i>				
Kedai Kasut Bobby				
22, Jalan Wangsa Jaya				
53100, Kuala Lumpur				
Kepada:		Tarikh : 17.12.2025		
Syarikat Kasut Lizz				
78, Jalan Nurin				
53100, Kuala Lumpur				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kasut Asis	2	140	280
2	(dipulangkan kerana rosak)			
Jumlah				280
(Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lapan Puluh Sahaja)				
<i>lizz</i>		<i>bobby</i>		
Penerima		Pengurus		
Dokumen 6				

Asal				No: RR01
<i>Resit Rasmi</i>				
Pembekal Kasut Marie				
54, Jalan Haji Ahmad				
53100, Kuala Lumpur				
				Tarikh :25.12.2025
Diterima daripada : <u>Kedai Kasut Bobby</u>				
Ringgit Malaysia : <u>Empat Ribu Sahaja</u>				
Bayaran untuk : <u>Menjelaskan Sebahagian Invois NO. 5001</u>				
RM4 000				
Tunai / No Cek : MBB112365				
				<i>Marie</i>
				Pengurus
Dokumen 7				

			No Baucar :7001
	Baucar Pembayaran		
	Kedai Kasut Bobby		
	22, Jalan Wangsa Jaya		
	53100, Kuala Lumpur		
Kepada:			Tarikh : 30.12.2025
Mariam :			
(Pembantu kedai)			
Tarikh	Keterangan		Jumlah (RM)
31/12/2025	Pembayaran gaji bulan Disember 2025		1500.00
Jumlah			1500.00
(Ringgit Malaysia :Seribu Lima Ratus Sahaja)			
Tunai / No. Cek :			
	Mariam		bobby
	Penerima		Pengurus
Dokumen 8			

Salinan			No: 0001
	Resit Rasmi		
	Kedai Kasut Bobby		
	22, Jalan Wangsa Jaya		
	53100, Kuala Lumpur		
			Tarikh :31.12.2025
Diterima daripada : <u>Pembekal Kasut Marie</u>			
Ringgit Malaysia : <u>Tiga Ratus Sahaja</u>			
Bayaran untuk : <u>Komisen</u>			
RM300			
Tunai / No Cek :			
			<u>Marie</u>
			Pengurus
	Dokumen 9		

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|------------------|------------|
| (i) Jurnal Am | [2 markah] |
| (ii) Jurnal Khas | [3 markah] |
| (iii) Buku Tunai | [7 markah] |

- (b) Pn Ella merupakan pemilik Perusahaan Kuih Tradisional Ella yang terkenal di Tangkak, Johor. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaannya pada 30 April 2026.

Butir	RM
Inventori pada 1 Mei 2025:	
• Bahan langsung	4 780
• Kerja dalam proses	4 260
Inventori pada 30 April 2026:	
• Bahan langsung	3 980
• Kerja dalam proses	4 450
Belian bahan langsung	17 580
Angkutan masuk	1 430
Susut nilai mesin	2 400
Upah langsung	9 860
Upah tak langsung	2 830
Sewa kilang	4 270
Insurans	3 260
Belanja memperbaiki mesin	1 350
Utiliti	1 480
Overhed lain kilang	2 320

Maklumat Tambahan:

- (i) Insurans di bahagikan di antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1.
(ii) Upah tak langsung yang belum dibayar ialah RM250

Anda dikehendaki menyediakan :

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 April 2026

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT